

29/08/1997

Nama khas bagi bendera Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis - Bendera Malaysia akan mempunyai nama khas menjelang detik 12 tengah malam Sabtu ini selepas 40 tahun menjadi simbol kebanggaan rakyat Malaysia sejak 31 Ogos 1957.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengisytiharkan nama itu ketika menyampaikan ucapan pada 11.54 malam di Dataran Merdeka di sini, demikian menurut kenyataan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan hari ini.

Sebelum itu, Perdana Menteri dijadualkan menerima bendera negara daripada peserta acara Larian Bendera, Larian Obor Patriotik dan Motothon.

Tepat 12 tengah malam, orang ramai di Dataran Merdeka akan melaungkan 'Merdeka' dan bendera negara dikibarkan disusuli pertunjukan bunga api. - Bernama

(END)